

25-27 JAN, 5 & 7 FEB 2026

PUCHONG

LAWATAN PEMETAAN ISU



APPGM-SDG



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PUCHONG, YB PUAN YEO BEE YIN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 3

- 7. FGD 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Melayu Batu 14
- 8. Lawatan Tapak 2: Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hulu
- 9. FGD 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Serdang Raya

HARI 4

- 10. FGD 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Sri Langkas Tambahan

HARI 1

- 1. FGD 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Seri Serdang, Taman Sri Andalas
- 2. FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti India & Pangsapuri Aman, Taman Puchong Prima
- 3. FGD 3: Sesi Dialog bersama Wakil Penduduk Puchong New Village

HARI 2

- 4. FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Pangsapuri Teratai, Taman Puchong Prima
- 5. FGD 5: Sesi Dialog bersama Wakil JAKOA, Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir
- 6. Lawatan Tapak 1: Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir

HARI 5

- 11. FGD 9: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hulu

PASUKAN PENYELIDIK



Dr. Teo Lee Ken
Ketua Penyelidik



Ain Safwanah Sadikin



Siti Noraiysah Rohim



**Nur Farah Ezzaty
Abd Aziz**



Darshini Rawichandran



**Hirzawati Atikah
Mohd Tahir**



Annabella Ching



Kezia Sim Kui Ting

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU PUCHONG



01
9 Januari 2026
Mesyuarat Awalan



02
21 Januari 2026
Mesyuarat Pra - Lawatan



03
22 Januari 2026
Kunjungan Hormat



06
25 Januari 2026
FGD 3: Puchong New Village



05
25 Januari 2026
FGD 2: Komuniti India & Pangsapuri
Aman, Taman Puchong Prima



04
25 Januari 2026
FGD 1: Komuniti Seri Serdang, Taman
Sri Andalas



07
26 Januari 2026
FGD 4: Komuniti Pangsapuri Teratai,
Taman Puchong Prima



08
26 Januari 2026
FGD 5: Wakil JAKOA, Kampung Orang
Asli Sungai Rasau Hilir



09
26 Januari 2026
Lawatan Tapak 1 : Kampung Orang Asli
Sungai Rasau Hilir



12
27 Januari 2026
FGD 7: Komuniti Serdang Raya



11
27 Januari 2026
Lawatan Tapak 2: Kampung Orang Asli
Sungai Rasau Hulu



10
27 Januari 2026
FGD 6: Komuniti Kampung Melayu Batu
14



13
5 Februari 2026
FGD 8: Komuniti Kampung Sri Langkas
Tambahan



14
7 Februari 2026
FGD 9: Komuniti Kampung Orang Asli
Sungai Rasau Hulu

09/01/2026

MESYUARAT AWALAN & KUNJUNGAN HORMAT



Mesyuarat awalan dan kunjungan hormat telah diadakan bersama Pn. Sin Min, pegawai khas YB Yeo Bee Yin, Ahli Parlimen Puchong. Agenda yang dibincangkan termasuk gerak kerja APPGM-SDG, proses kajian lapangan pemetaan isu dan pelaksanaan projek, keadaan sosial di parlimen Puchong, serta kumpulan sasar yang utama di Puchong. Pasukan APPGM-SDG diwakili Dr. Teo Lee Ken, Nur Farah Ezzaty dan Darshini Rawichandran.

21/01/2026

MESYUARAT PRA-LAWATAN

Kunjungan hormat ke PDT Petaling bagi menyelaraskan kajian lapangan Parlimen Puchong, merangkumi pengumpulan data demografi, isu setempat, dan lokasi strategik. Perbincangan bersama Penolong Pegawai Daerah (En. Syafianza Azwan & En. Muhammad Aimaan), Penghulu Mukim, serta Bahagian Pembangunan ini turut memfokuskan kepada jalinan kerjasama bagi sokongan program susulan APPGM-SDG di masa hadapan. Pasukan APPGM-SDG diwakili oleh Dr. Teo Lee Ken & Nur Syadhira.



22/01/2026

KUNJUNGAN HORMAT



Pasukan APPGM-SDG mengadakan taklimat bersama MBSJ melalui Pengarah Jabatan Korporat, En. Muhammad Azli Miswan, bagi menyelaraskan kajian lapangan Parlimen Puchong, termasuk pengumpulan data demografi dan penyelarasan isu kritikal setempat. Sesi ini turut memperkukuh kerjasama bagi program susulan serta membuktikan kesediaan MBSJ dalam menyokong inisiatif pembangunan mampan di peringkat parlimen tersebut.

25/01/2026

FGD 1: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI SERI SERDANG, TAMAN SRI ANDALAS



FGD 1 bersama 17 wakil penduduk dari Taman Sri Andalas, Taman Sri Serdang (Fasa 4 & 5), dan Kembang Sari. Sesi ini bertujuan mendengar denyut nadi rakyat mengenai isu-isu setempat di kawasan Seri Serdang. Hasil perbincangan mendapati: **(1)** masalah banjir kilat bandar; **(2)** penyelenggaraan awam yang tidak cekap menjadi kerisauan utama penduduk. Selain itu, mereka turut menekankan perlunya **(3)** satu mekanisme libat urus yang lebih responsif dengan pihak berkuasa bagi memastikan aduan serta keperluan perkhidmatan perbandaran dapat diuruskan dengan lebih terancang.

25/01/2026

FGD 2: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI INDIA & PANGSAPURI AMAN, TAMAN PUCHONG PRIMA



FGD 2 bersama penduduk etnik India di Pangsapuri Aman, Taman Puchong Prima bagi membincangkan kebajikan komuniti. Melalui perbincangan kelompok ini, beberapa cabaran utama telah dikenal pasti, antaranya adalah: **(1)** jurang komunikasi dengan pihak berkuasa; **(2)** ketiadaan kepimpinan komuniti yang kukuh; **(3)** isu penyelenggaraan kawasan yang lemah; dan **(4)** fenomena sosial banjir kilat.

25/01/2026

FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PUCHONG NEW VILLAGE



FGD 3 bersama wakil-wakil beretnik India daripada kawasan Puchong New Village, yang wujud sejak sebelum zaman penjajahan British. Perbincangan fokus ini melibatkan seramai 3 orang. Antara isu utama yang dibincangkan adalah: **(1)** ketiadaan hak milik tanah dan perumahan baru selepas diusirpindahkan; **(2)** ketiadaan jalinan hubungan libaturus antara penduduk terkesan dengan pihak berkuasa dan pemaju; dan **(3)** penghilangan sejarah dan cerita penduduk setempat daripada arus urbanisasi dan pembangunan.

26/01/2026

FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI PANGSAPURI TERATAI, TAMAN PUCHONG PRIMA



FGD 4 bersama tujuh wakil komuniti Pangsapuri Teratai yang merangkumi pihak KRT, Muslimah Lotus Craft, dan MC Pangsapuri. Sejak dibangunkan pada tahun 2003, kawasan ini menonjolkan amalan terbaik melalui pengurusan fasiliti yang cekap serta penglibatan aktif kumpulan wanita dalam pelbagai aktiviti. Walau bagaimanapun, komuniti ini kini berdepan cabaran kritikal seperti: **(1)** ketiadaan pelapis kepimpinan muda; **(2)** kesan pembangunan infrastruktur luar yang tidak mesra penduduk; serta **(3)** keperluan dana yang besar bagi menaik taraf landskap persekitaran mereka.

26/01/2026

FGD 5: SESI DIALOG BERSAMA WAKIL JAKOA, KAMPUNG ORANG ASLI
SUNGAI RASAU HILIR

FGD 5 bersama wakil JAKOA di Kampung Orang Asli Sungai Rasau Hilir. Kampung yang kaya dengan sejarah sejak 1961 ini menunjukkan potensi besar, terutamanya dengan adanya sokongan kesihatan sebagai kampung angkat klinik pergigian kerajaan serta kejayaan beberapa belia sehingga mencecah menara gading. Namun begitu, perbincangan turut menyentuh beberapa isu kritikal yang memerlukan perhatian sewajarnya. Antaranya ialah: **(1)** cabaran keciciran pendidikan dalam sistem arus perdana; **(2)** isu perkahwinan awal di usia remaja; dan **(3)** tahap sosioekonomi penduduk yang masih mencabar disebabkan pendapatan yang rendah.

26/01/2026

LAWATAN TAPAK 1: KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI RASAU HILIR



Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan lawatan tinjauan di sekitar kawasan Kampung Orang Asli (KOA) Sungai Rasau Hilir. Berdasarkan pemerhatian awal, kawasan ini dilengkapi dengan infrastruktur yang baik, merangkumi akses jalan raya, bekalan elektrik, air, serta rangkaian internet. Selain itu, terdapat kemudahan ruang awam dan pusat pendidikan awal seperti Tabika dan Taska bagi kegunaan komuniti. Alam sekitar di kawasan kampung ini juga berada dalam keadaan yang sangat terpelihara memandangkan lokasinya yang terletak di dalam kawasan hutan simpan kekal.

27/01/2026

FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG MELAYU BATU 14



FGD 6 bersama 12 penduduk Kampung Melayu Batu 14, sebuah penempatan yang wujud sekitar 1920-an. Kekuatan utama komuniti ini terletak pada organisasi yang kukuh serta perpaduan antara kaum yang amat erat, seperti amalan perkongsian budaya di ruang awam. Walau bagaimanapun, penduduk kini berdepan cabaran seperti: **(1)** intensiti pembangunan hartanah yang pesat; **(2)** keperluan untuk naiktaraf dan tambahbaik infrastruktur awam sedia ada yang uzur; **(3)** kekurangan kemudahan awam untuk kualiti hidup masyarakat awam; serta **(4)** ketiadaan sistem pengurusan sisa yang terancang dan meluas.

27/01/2026

LAWATAN TAPAK 2: KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI RASAU HULU



Pasukan APPGM-SDG telah mengadakan lawatan ke KOA Sungai Rasau Hulu dan Pusat Aktiviti KOA Saujana Puchong. Sesi dimulakan dengan taklimat ringkas mengenai sejarah, latar belakang penempatan, dan sosioekonomi komuniti setempat yang disampaikan oleh En. Mazuna (Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Orang Asli - JKKKOA) dan En. Rana (Tok Batin). Antara inisiatif komuniti yang menarik perhatian adalah pelaksanaan kelas pendidikan mingguan bagi anak-anak Orang Asli yang diadakan pada setiap hari Sabtu di pusat aktiviti tersebut bagi memastikan kesinambungan pembelajaran mereka.

27/01/2026

FGD 7: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI SERDANG RAYA



FGD 7 bersama 12 wakil penduduk dari sekitar Serdang Raya, Serdang Perdana, dan Taman Muhibbah. Pasukan APPGM-SDG melihat potensi besar dalam kerjasama komuniti di sini, terutamanya melalui persatuan penduduk yang aktif dan terurus. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran utama telah dikenal pasti untuk tindakan susulan, antaranya merangkumi: **(1)** penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan awam tempatan; **(2)** penyelenggaraan kemudahan awam yang lebih sistematik; serta **(3)** pengurusan jalinan hubungan pengangkutan yang lebih cekap.

05/02/2026

FGD 8: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG SRI LANGKAS TAMBAHAN



FGD 8 bersama komuniti Kampung Sri Langkas Tambahan. Sesi ini dihadiri oleh 12 orang wakil penduduk dari Kampung Sri Aman, Kampung Bersatu, dan Kampung Batu 12. Kampung-kampung di sini bukan sekadar penempatan biasa, malah ia merupakan kampung tradisi yang kaya dengan nilai warisan. Sejarah pembukaannya juga cukup signifikan, di mana ia telah diasaskan sejak kira-kira 40 tahun yang lalu. Melalui perbincangan tersebut, beberapa isu kritikal telah dikenal pasti: **(1)** fenomena banjir bandar yang berlaku berulang kali tanpa penyelesaian; **(2)** ketiadaan pelan pembangunan kampung-perbandaran yang seimbang dan lestari; **(3)** kemudahan serta perkhidmatan awam yang tidak terurus dan kurang terancang; dan **(4)** tiadanya hubungan libaturus (engagement) yang sistematik dan demokratik antara penduduk dengan pihak berkuasa.

07/02/2026 FGD 9: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG ORANG ASLI SUNGAI RASAU HULU



FGD 9 bersama komuniti Orang Asli di Kampung Sungai Rasau Hulu Puchong telah dijalankan oleh pasukan APPGM-SDG pada 7 Februari 2026. Seramai 13 orang penduduk telah hadir bagi memberikan input dalam sesi tersebut. Dapatan dialog telah menonjolkan keunikan kampung itu yang masih mempunyai hutan simpan kekal di tengah bandar Puchong, serta sejarah hubungan erat komuniti dengan alam sejak 1960-an. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran besar telah dibangkitkan, seperti: **(1)** keperluan mendesak untuk menambah baik pusat aktiviti; **(2)** isu pendapatan yang hanya mencapai paras gaji minimum; dan **(3)** kekurangan kemudahan asas. Isu **(4)** keciciran pendidikan di peringkat menengah dan tertiar juga telah menjadi antara topik utama yang dibincangkan.



APPGM-SDG



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)**

 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

 secretariat@appgm-sdg.com

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>

**Memajukan Pembangunan Sosial
melalui Pemerkasaan Komuniti**